

SELENASE® ORAL SOLUTION

Sodium Selenite (50mcg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Selenase
2. Bagaimana Selenase berfungsi
3. Sebelum mengambil Selenase
4. Cara menggunakan Selenase
5. Semasa menggunakan Selenase
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Selenase
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Selenase

Selenase digunakan untuk merawat penyakit kekurangan selenium yang tidak boleh diperbetulkan dengan pengambilan selenium daripada sumber makanan.

Bagaimana Selenase berfungsi

Selenase mengandungi bahan aktif, sodium selenite yang membekalkan sumber selenium. Selenium merupakan unsur surih yang penting untuk memastikan fungsi metabolisme badan berjalan lancar.

Sebelum mengambil Selenase

- Bila tidak boleh mengambil

- Anda mempunyai alahan terhadap sodium selenite atau bahan-bahan lain dalam ubat ini.
- Anda mengalami keracunan selenium

- Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda alah terhadap:

- Bahan-bahan lain, termasuk makanan, pengawet atau pewarna.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan nasihat. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Bahan penurun (contoh: Vitamin C)

- Semasa mengandung dan menyusu bayi

Penggunaan Selenase tidak akan membahayakan wanita hamil atau bayi jika digunakan dalam kes kekurangan selenium. Selenase terdapat di dalam susu ibu tetapi ia tidak akan membahayakan bayi.

Walau bagaimanapun, bincangkan dengan doktor anda tentang penggunaan Selenase semasa mengandung atau penyusuan bayi.

Cara menggunakan Selenase

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos harian untuk dewasa

Minum 100-200mcg Selenase (bersamaan dengan 1-2 ampul atau 2-4 ml botol). Kalau diperlukan, dos boleh ditambah hingga ke maksimum 500mcg Selenase (bersamaan dengan 5 ampul 2ml atau satu botol 10ml).

Dos untuk kanak-kanak (berat badan 40kg atau ke bawah)

Minum 2mcg/kg berat badan (maksimum 30mcg). Untuk dos kawalan, ambil 1mcg/kg berat badan/hari.


Kanak-kanak yang berat badan melebihi 40kg boleh dirawat dengan dos yang diambil oleh dewasa.

- Bila perlu digunakan

Ambil Selenase pada masa yang sama setiap hari dengan menjarakkan 1-2 jam sebelum atau selepas makan/minum jus buah.

Ampul 2ml: Tanggalkan satu ampul tunggal dari baki ampul yang sedia ada. Buka ampul dengan memusingkan bahagian atas ampul. Picitkan semua isi ampul ke dalam mulut.

Botol 10ml: Persiapkan botol minum ini sebelum digunakan.



Langkah-langkahnya:

1. Pertama, pusingkan penutup berskru mengikut arah jam untuk membuka botol daripada penutup berskru bersepadu.
2. Kemudian tanggalkan penutup berskru dengan memusingkannya lawan arah jam.
3. Jika anda perlu mengambil dos selenium sebanyak 500 mikrogram, habiskan cecair sepenuhnya dari botol. Jika doktor anda menetapkan anda untuk mengambil dos selenium kurang daripada 500 mikrogram, keluarkan cecair selenium yang diperlukan dengan memicit botol ke dalam cawan penyukat mililiter yang dibekalkan. Selepas itu, tutup botol dengan ketat.

Tahan cecair di dalam mulut selama 30-60 saat sebelum anda menelannya.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Tahap selenium perlu dipantau sepanjang rawatan.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dos berlebihan akut termasuk nafas berbau bawang putih, kelesuan, loya, cirit-birit dan sakit perut. Dos berlebihan yang berpanjangan akan menjejaskan pertumbuhan kuku dan rambut dan juga akan menyebabkan kerosakan pada saraf.

SELENASE® ORAL SOLUTION

Sodium Selenite (50mcg/ml)

Semasa menggunakan Selenase

- Perkara yang perlu dilakukan

• Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Selenase.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

• Jangan berhenti mengambil Selenase tanpa kebenaran doktor anda.
• Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Selenase besar kemungkinan tidak akan mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Berhenti memandu atau mengendalikan mesin jika anda berasa tidak selesa untuk melakukan aktiviti tersebut.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Selenase mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi, bukan setiap individu akan mengalaminya.

- Loya yang serius
- Sakit atau kejang perut
- Cirit-birit
- Kekaburan kesedaran
- Pelepasan cecair dari payudara kanan dan pusat
- Peningkatan tahap enzim hati
- Pedih ulu hati yang berpanjangan
- Rasa masin di mulut
- Degupan jantung dan nadi yang tidak teratur
- Reaksi alahan (keradangan, bengkak di sekeliling bawah lengan)
- Gejala seperti demam selesema
- Ruam
- Kegatalan
- Peningkatan tekanan darah

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan sampingan lain yang menyebabkan anda tidak sihat. Sesetengah orang mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Selenase

- Penyimpanan

Simpan ubat dalam bungkus asal. Jangan simpan di atas suhu 30°C. Simpan di tempat dingin dan kering. Jauhkan dari haba, cahaya dan kelembapan yang berlebihan.

Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan guna Selenase yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau ampul.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Selenase adalah larutan yang jernih dan tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Setiap ml larutan Selenase mengandungi 50mcg Selenium.
- Bahan tidak aktif
Sodium chloride, hydrochloric acid, purified water

- Bungkusan

- Setiap ampul mengandungi 2ml larutan oral yang diperbuat daripada plastik (LDPE). Saiz pek: 10 x 2 ml
- Botol plastik (LDPE) dengan dengan penutup berskru polipropilena, setiap satunya mengandungi larutan oral sebanyak

10 ml, cawan penyukat dan pipet dos. Saiz pek 10x10ml

- Nombor MAL

MAL12110004XC

Pengilang

Rommelag CDMO GmbH
Bahnhofstrasse 18
74429 Sulzbach-Laufen, Germany

Dikeluarkan oleh:

bioSyn Arznmittel GmbH Schorndorger Str.
32 70734 Fellbach Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/12/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)100420/00063